

21 FEB 1998

#### PM AKAN SAMPAIKAN UCAP UTAMA PADA DIALOG PERKONGSIAN BIJAK

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap utama pada Dialog Perkongsian Bijak Kebangsaan 1998 (NSPD'98) pertama mulai 2 Mac depan, yang akan melihat bagaimana pemulihan ekonomi boleh diinstitusikan melalui perkongsian bijak.

Beliau akan berucap mengenai "Pendekatan Perkongsian Bijak Kebangsaan kepada Pembangunan Sejak Kemerdekaan" pada dialog dua hari ini, yang dianjurkan oleh Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT).

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur Kebangsaan bagi dialog itu, yang juga Penasihat Sains kepada Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Datuk Omar Abdul Rahman berkata dialog itu, bertema "Pemulihan Ekonomi Melalui Perkongsian Bijak" akan merupakan satu peristiwa penting dalam mempercepatkan pemulihan ekonomi negara ini.

Semasa memberi taklimat kepada media mengenai dialog itu, katanya: "Kita perlu mengadakan dialog di kalangan sesama kita dan membangun, memahami dan meyebarakan ide-ide yang diperolehi dan bagaimana mengatasi krisis ekonomi semasa melalui perkongsian bijak.

Kira-kira 300 peserta, termasuk pemimpin-pemimpin penting kerajaan, pegawai-pegawai kanan, pemimpin-pemimpin parti politik, pemimpin-pemimpin korporat dan pengurus-pengurus kanan, profesional, pemimpin-pemimpin kesatuan dan organisasi-organisasi bukan kerajaan akan menyertai di dalam dialog empat sesi itu.

Dialog itu, yang akan diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel adalah dengan kerja sama beberapa institusi yang termasuk antara lain, Akademi Sains Malaysia, Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi dan Institut Strategik dan Kajian Antarabangsa (ISIS).

Yang lain termasuk Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Perbadanan Kemajuan Teknologi Malaysia (MTDC), Dewan Perdagangan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) dan Taman Teknologi Malaysia.

Selepas berucap kepada dialog itu, Dr Mahathir akan bertindak sebagai pengantara bagi sesi dialog pertama mengenai "Memperkuhkan Ketahanan Nasional Melalui Perkongsian Bijak - Peranan Sektor Swasta, Buruh dan Kerajaan".

Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin juga dijangka menghadiri dialog itu dan memberikan pandangan jangka panjang domestik mengenai isu-isu semasa di negara ini semasa sesi kedua dialog itu yang akan dikendalikan oleh pengantara Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Seorang wakil Bank Dunia dan setiausaha kewangan Filipina Salvador M Enriquez Jr juga dijangka berucap mengenai pandangan jangka panjang antarabangsa dan serantau masing-masing.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan menjadi pengantara bagi sesi ketiga, pada hari kedua, yang akan membincangkan tema "Strategi bagi Pemulihan Melalui Perkongsian - Industri Ekonomi dan Kestabilan Harga."

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar akan menyampaikan ucapan mengenai "Kembali ke Landasan 2020 Melalui Perkongsian Bijak" dalam sesi penutup dialog itu sebelum menutup mesyuarat itu secara rasmi.

Dr Omar berkata dialog diilhamkan daripada kejayaan satu siri dialog perkongsian bijak antarabangsa yang diadakan di dalam negeri dan di luar

negara.

"Dialog Antarabangsa Langkawi yang dilancarkan pada 1995, diikuti oleh satu lagi pada 1996 dan 1997, dan juga Dialog Antarabangsa Sealtan Afrika yang pertama, dan Dialog Antarabangsa Barbados (BID'96) telah membuktikan populariti perkongsian bijak dan penerimaan dan pengamalannya oleh sesuatu masyarakat yang besar," tambah beliau. -- BERNAMA

ZMY DVS OS